



## DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (Jawatan Kosong)

Permohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

### Bil. Iklan: DBKU/11/2024

- 1 a) **Jawatan:** Penolong Kurator Gred S5
- b) **Jabatan:** Dewan Bandaraya Kuching Utara
- c) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pelaksana
- d) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Sosial
- e) **Taraf Jawatan :** Kontrak

### 2. **Jadual Gaji Penolong Kurator Gred S5 :-**

<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>
RM 1,650.00	RM 6,620.00

### 3. **Antara Skop Tugas Utama**

- a) Memastikan pengurusan Muzium DBKU yang merangkumi bidang kerja per muzium yang berkaitan dengan Etnologi dan Pengurusan Koleksi, Pameran, Perkhidmatan dan Pemasaran, Pemuliharaan dan Konservasi, Perpustakaan dan Ilmu Kejadian dijalankan dengan teratur dan lancar.
- b) Memastikan setiap pegawai dan staf Muzium Kucing DBKU yang dipertanggungjawabkan untuk Sub-Unit Pengurusan Muzium dan Sub-Unit Pemasaran dan Perkhidmatan Muzium masing-masing menjalankan tugas harian dari semasa ke semasa.
- c) Bertanggungjawab dalam pengendalian pendaftaran akses dan penginventorian koleksi yang baru untuk menjalankan kerja pengurusan koleksi
- d) Bertanggungjawab dalam menyediakan Laporan Kemajuan dan Pembangunan, Laporan Penambahbaikan, Kertas Kerja Jawatankuasa, Kertas Cadangan, Hasil dan Belanjawan Tahunan, Laporan Bulanan dan Tahunan, dan lain-lain Laporan untuk Muzium Kucing DBKU
- e) Memastikan mengadakan Pameran Tetap dan Pameran Kontemporari (Setiap 3 bulan dan bulanan) setiap tahun untuk Muzium Kucing DBKU
- f) Bertanggungjawab dalam mengkoordinasikan program dan aktiviti bulan dan tahunan, lawatan rasmi dan tidak rasmi ke Muzium Kucing DBKU
- g) Bertanggungjawab dalam pengendalian pinjaman peralatan-peralatan dan lain-lain untuk Muzium Kucing DBKU

### 4. **Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Berumur tidak kurang dari 21 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- b) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S5 : RM1,650.00); atau  
(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S5 : RM1,650.00); atau  
(iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S5 : RM1,650.00); atau

- (iv) Diploma dalam bidang Seni Lukis, Seni Reka, Seni Halus, Seni Bina, Sains, Permuziuman, Teknologi Maklumat, atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan ialah pada Gred S5 : RM 1,893.00)
- c) Calon bagi lantikan **hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **Cara Memohon:**

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut, adalah dipelawa untuk menghantar permohonan dengan **menulis surat besertakan 'resume' yang mengandungi butir-butir peribadi termasuk nombor telefon peribadi yang mempunyai aplikasi whatapps, kelayakan akademik, pengalaman kerja beserta sijil-sijil yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada:-**

### **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**

**Dewan Bandaraya Kuching Utara**

**Tingkat 3, Bangunan DBKU**

**Bukit Siol, Jalan Semariang**

**Petra Jaya, 93050 Kuching**

Pemohon daripada kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:-

- a) Laporan Sulit (Sekira berkenaan)
- b) Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
- c) Salinan Kenyataan Perkhidmatan

**Tarikh Akhir Permohonan : 20 Disember 2024 (Jumaat)**

### **Catatan Am:**

- (i) Permohonan yang berikut tidak akan dipertimbangkan :-
  - tidak lengkap
  - tidak memenuhi syarat - syarat kelayakan seperti yang ditetapkan dalam iklan ; dan
  - diterima lewat daripada tarikh yang ditetapkan.
- (ii) Hanya pemohon-pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ujian fizikal, ujian bertulis, dan temuduga.
- (iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.